PERPUSTAKAAN
18 APR 1983
JABATAN PEGUAM NEGARA

MALAYSIA

# Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA
DITERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 27
No. 6

**24hb Mac 1983**

*TAMBAHAN No. 15*
*PERUNDANGAN (A)*

**P.U. (A) 88.**

AKTA PINJAMAN LUAR NEGERI 1963

PERINTAH PENGECUALIAN DARIPADA CUKAI DAN KAWALAN PERTUKARAN WANG (PINJAMAN LUAR NEGERI) (NO. 5) 1983

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh subseksyen (2) dan (4) seksyen 4 Akta Pinjaman Luar Negeri 1963, Menteri membuat perintah yang berikut: *Akta 22/63.*

Nama dan mula berkuatkuasa.

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pengecualian daripada Cukai dan Kawalan Pertukaran Wang (Pinjaman Luar Negeri) 1983** dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 8hb September 1982.

Pengecualian daripada kawalan pertukaran wang, cukai, duti dan sebagainya.

2. Semua pembayaran wang pokok, faedah dan komisyen lain, fee, caj, perbelanjaan dan amaun lain yang akan dibuat oleh Malaysia kepada suatu sindiket bank dan institusi kewangan lain di bawah suatu Perjanjian Pinjaman (kemudian daripada ini disebut "Perjanjian Pinjaman") bertarikh pada 8hb September 1982 di antara Malaysia, American Express International Banking Corporation, Pengurus dan Bank-bank disenaraikan di dalamnya (kemudian daripada ini disebut "Pemberipinjam" di mana perbahasaannya hendaklah termasuk pengganti dan penerima serah hak masing-masing) dan American Express International Banking Corporation sebagai ejen, berhubung dengan suatu kemudahan kredit sebanyak US$57,570,240 (Dollar Amerika Syarikat Lima Puluh Tujuh Juta Lima Ratus Tujuh Puluh Ribu Dua Ratus Empat Puluh sahaja) yang akan disediakan oleh Pemberipinjam kepada Malaysia, hendaklah—

(i) dikecualikan daripada apa-apa pembatasan berhubung dengan kawalan pertukaran wang; dan

√ **P.U. (A) 89.**

## AKTA PENDAFTARAN PENJENAYAH DAN ORANG-ORANG YANG TIDAK DIINGINI 1969

### PERINTAH PENDAFTARAN PENJENAYAH DAN ORANG-ORANG YANG TIDAK DIINGINI (PINDAAN) 1983

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 15 (1) Akta Pendaftaran Penjenayah dan Orang-Orang Yang Tidak Diingini 1969, Menteri membuat perintah yang berikut: *Akta 7.*

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pendaftaran Penjenayah dan Orang-orang Yang Tidak Diingini (Pindaan) 1983.** Nama.

2. Bahagian IV Jadual Pertama (Sabah dan Sarawak) dan Bahagian VI Jadual Pertama (Negeri-negeri Tanah Melayu) kepada Akta Pendaftaran Penjenayah dan Orang-orang Yang Tidak Diingini 1969, (kemudian ini disebut "Akta itu") adalah dipinda dengan menambah kepada senarai butiran-butiran, butiran yang berikut: Pindaan bagi Bahagian IV dan Bahagian VI Jadual Pertama. *Akta 7.*

| *No.* | *Tajuk Ringkas* | *Seksyen* |
|---|---|---|
| "Ordinan 22/70 | Ordinan Dharurat (Kuasa-kuasa Perlu) 1970 | 2 (1).". |

3. Bahagian IV Jadual Pertama (Negeri-negeri Tanah Melayu) Akta itu adalah dipinda dengan menambah kepada senarai butiran-butiran, butiran yang berikut: Pinlaan bagi Bahagian VI Jadual Pertama.

| *No.* | *Tajuk Ringkas* | *Seksyen* |
|---|---|---|
| "Akta 232 ... | Akta Kanak-kanak dan Orang Muda 1947 | 22 (1), 22 (2) dan 23.". |

Diperbuat pada 3hb Mac 1983.
[KHEDN: O. 9/192 Jilid. 5; PN. (PU2) 15.]

DATO' MUSA HITAM,
*Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri*

## REGISTRATION OF CRIMINALS AND UNDESIRABLE PERSONS ACT 1969

### REGISTRATION OF CRIMINALS AND UNDESIRABLE PERSONS (AMENDMENT) ORDER 1983

IN exercise of the powers conferred by section 15 (1) of the Registration of Criminals and Undesirable Persons Act 1969, the Minister makes the following order: *Act 7.*

1. This Order may be cited as the **Registration of Criminals and Undesirable Persons (Amendment) Order 1983.** Citation.

2. Part IV of the First Schedule (Sabah and Sarawak) and Part VI of the First Schedule (States of Malaya) of the Registration of Criminals and Undesirable Persons Act 1969, (hereinafter referred to as "the Act") is amended by adding the following item to the list of items: Amendment of Part IV and Part VI of First Schedule. *Act 7.*

| *No.* | *Short Title* | *Sections* |
|---|---|---|
| "Ordinance 22 of 1970 | Emergency (Essential Powers) Ordinance 1970 | 2 (1).". |

Amendment of Part VI of First Schedule.

3. Part VI of the First Schedule (States of Malaya) of the Act is amended by adding the following item to the list of items:

| *No.* | | *Short Title* | *Sections* |
|---|---|---|---|
| "Act 232 | ... | Children and Young Persons Act 1947 | 22 (1), 22 (2) and 23. |

Made the 3rd March 1983.
[KHEDN: O. 9/192 Jilid 5; PN. (PU²) 15.]

DATO' MUSA HITAM,
*Minister of Home Affairs*

**P.U. (A) 90.**

AKTA LEMBAGA TEMBAKAU NEGARA (PERBADANAN) 1973

KAEDAH-KAEDAH INDUSTRI TEMBAKAU (PERLESENAN) (PINDAAN) 1983

*Akta 111.*

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 19 (6) Akta Lembaga Tembakau Negara (Perbadanan) 1973, Lembaga Tembakau Negara, dengan kelulusan Menteri, membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan mula berkuatkuasa.

1. Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Industri Tembakau (Perlesenan) (Pindaan) 1983,** dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 7hb Oktober 1982.

Pindaan bagi Jadual Kedua. *P.U. (A) 2/74.*

2. Kaedah-Kaedah Industri Tembakau (Perlesenan) 1973 adalah dipinda dengan menggantikan Jadual Kedua dengan yang berikut:

"JADUAL KEDUA
(Kaedah 10)

1. PENGAWET

Fee yang akan dikenakan bagi mengeluarkan atau membaharui sesuatu lesen hendaklah ditaksirkan berdasarkan kuota daun diawet yang ditetapkan oleh Lembaga bagi pengawet yang dihitung mengikut kadar $7.00 bagi tiap-tiap 1,000 kilogram daun diawet atau sebahagian daripadanya.

2. PENGILANG

Fee yang akan dikenakan bagi mengeluarkan atau membaharui sesuatu lesen hendaklah ditaksirkan berdasarkan amaun daun diawet yang dikehendaki oleh pengilang dan diluluskan oleh Lembaga selama tempoh lesen itu, dihitung mengikut kadar $300 bagi tiap-tiap 100,000 kilogram yang pertama atau sebahagian daripadanya dan $200 bagi tiap-tiap 100,000 kilogram yang berikutnya atau sebahagian daripadanya.".

Diperbuat pada 9hb Mac 1983.

MOHD. YUSOF BIN BASIR,
*Pengerusi,*
*Lembaga Tembakau Negara*

Diluluskan pada 9hb Mac 1983.
[KPU (S) O. 14/1/15; PN. (PU²) 137 Pt. II.]

DATO' LEONG KHEE SEONG,
*Menteri Perusahaan Utama*